

BAB ENAM

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Pada keseluruhannya, kajian ini cuba membuat penelitian terhadap sejauh manakah faktor sosio-demografi dan ekonomi mempengaruhi fertiliti dan bilangan anak yang diingini di kalangan wanita Cina di bandar dan luar bandar. Sebagai perbandingan, penyelidikan ini juga cuba menguji sejauh manakah faktor-faktor tersebut mempengaruhi fertiliti kaum Melayu yang mempunyai latar belakang sosio-budaya yang berlainan.

Dalam bab ini, rumusan terhadap hasil penemuan kajian seperti yang dibincangkan dalam bab-bab sebelumnya akan dikemukakan. Ini akan diikuti dengan cadangan-cadangan untuk kajian seterusnya.

6.1 RUMUSAN HASIL KAJIAN

6.1.1 Kesan Faktor Sosio-ekonomi Terhadap Fertiliti

Taraf pendidikan wanita ataupun suaminya memberi kesan yang negatif terhadap purata kelahiran hidup dan saiz keluarga yang diingini oleh mereka. Walau bagaimanapun, kesan pendidikan negatif bagi wanita adalah melebihi kesan pendidikan negatif suami mereka terhadap fertiliti. Perbezaan kadar kelahiran antara wanita yang berpendidikan rendah dengan wanita yang berpendidikan tinggi lebih ketara di kalangan wanita di bandar. Ini bermakna pengaruh pendidikan lebih berkesan dalam mengubah dan meningkatkan sosialisasi dan modenisasi di bandar berbanding dengan luar

bandar.

Penglibatan wanita dalam sektor ekonomi dipengaruhi oleh taraf pendidikan masing-masing. Majoriti wanita berpendidikan tinggi menceburi sektor moden manakala wanita yang berpendidikan rendah lebih ramai yang terlibat dalam sektor tradisional.

Di bandar, wujud perbezaan kelahiran yang ketara antara wanita yang bekerja dengan wanita yang tidak bekerja pada peringkat awal perkahwinan. Fenomena ini menggambarkan pada peringkat awal perkahwinan, kelahiran anak-anak kecil menjadi penghalang kepada penglibatan wanita dalam aktiviti ekonomi. Jadi, wujudnya "trade-off" antara fertiliti dengan gunatenaga wanita. Perbezaannya kurang ketara pada perkahwinan yang melebihi 10 tahun kerana anak-anak mereka telah besar dan ini menjadikan tugas penjagaan anak kurang mengambil masa.

Di luar bandar pula tiada perbezaan kelahiran antara wanita yang bekerja dengan tidak bekerja. Pola kelahiran ini disebabkan oleh jenis dan status pekerjaan di luar bandar lebih bercorak tidak formal. Struktur kerja dalam sektor tidak formal dan pekerja keluarga (tanpa gaji) melibatkan kos melepas dan konflik antara peranan ibu dan pekerja yang lebih rendah. Ini telah mendorongkan golongan wanita tersebut cenderung mempunyai saiz keluarga yang besar.

Sumber bantuan terpenting bagi wanita sedang bekerja adalah ibu bapa. Struktur kerja sebagai pekerja keluarga

(tanpa gaji) membenarkan wanita tersebut berperanan dual. Oleh itu, ramai daripada mereka menjalankan tanggungjawab pengasuhan anak-anak dengan usaha sendiri.

Kualiti hidup dan kualiti anak amat diutamakan di kalangan wanita Cina di bandar yang berpendapatan dan berpendidikan tinggi. Ini bermakna bahawa utiliti anak yang diperolehi oleh golongan berstatus ekonomi tinggi adalah kurang daripada kos pemeliharaan anak. Keadaan ini mendorongkan mereka cenderung kepada saiz keluarga yang kecil. Kesannya diperkuatkan lagi dengan kos sara hidup di bandar yang semakin meningkat dan ini menjadikan mereka lebih sensitif terhadap kos ekonomi anak. Di luar bandar, perhubungan antara pendapatan suami dan fertiliti adalah berbentuk "U".

6.1.2 Kesan Pembolehubah Perantaraan Terhadap Fertiliti

Analisis fertiliti menunjukkan bahawa terdapatnya perhubungan yang positif antara taraf pendidikan dan pengalaman bekerja dengan tahap umur mula berkahwin bagi kedua-dua kumpulan etnik Cina dan Melayu. Walau bagaimanapun wanita Cina berkahwin lebih lewat berbanding dengan wanita Melayu. Kesannya adalah lebih ketara ditunjukkan di kalangan wanita di bandar berbanding dengan wanita di luar bandar. Pola demografi ini juga menunjukkan bahawa wanita Cina cenderung menyempurnakan kelahirannya pada umur yang lebih muda, sedangkan wanita Melayu akan melanjutkan tempoh reproduktifnya sehingga ke tahap umur yang lebih tua.

Pada keseluruhannya, wanita Cina dan Melayu yang

berkahwin lebih awal dan berumur lebih tua mempunyai bilangan kelahiran hidup dan saiz keluarga yang diidamkan yang lebih ramai. Ini kerana wanita tersebut telah melalui tempoh reproduktif yang lebih lama yang meninggikan peluang kehamilan mereka. Kelahiran dan saiz keluarga yang diidamkan di luar bandar adalah lebih tinggi berbanding dengan bandar. Fenomena ini mungkin disebabkan oleh wanita luar bandar masih percaya bahawa anak adalah jaminan pada masa tua dan sebagai aset kepada keluarga mereka. Di kawasan bandar, kos sara hidup yang semakin meningkat menjadikan kos ekonomi pemeliharaan anak melebihi utiliti anak.

Pada kelazimannya, wanita bandar menggunakan kontraseptif sebagai kaedah menghadkan kelahiran, manakala wanita luar bandar lebih cenderung untuk melanjutkan tempoh reproduktifnya sebelum mencapai "menopause". Begitu juga bagi wanita yang berpendidikan rendah lebih cenderung melanjutkan proses reproduktif di sepanjang hayat mereka, sedangkan wanita yang berpendidikan tinggi memulakan proses reproduktifnya lebih lewat (kerana kelewatan berkahwin) cenderung untuk memendekkan tempoh reproduktifnya selepas melahirkan beberapa orang anak yang diidamkan. Jadi tujuan penggunaan kontraseptif bagi wanita berpendidikan tinggi lebih berbentuk menghadkan kelahiran. Tambahan pula, pada awal tempoh perkahwinan, penggunaan kontraseptif adalah bertujuan untuk menjarakkan atau menangguhkan kelahiran. Tetapi pada tempoh perkahwinan yang lebih lama, ia digunakan untuk menghadkan dan menghentikan kelahiran.

Kaedah kontraseptif yang paling popular di kalangan wanita Cina yang berpendidikan rendah di bandar dan luar bandar adalah pil dan kondom. Tetapi bagi wanita yang berpendidikan tinggi di bandar, kaedah kondom dan masa selamat (safe time/rhythm) merupakan kaedah yang paling popular.

Kadar penerimaan kontraseptif moden adalah lebih tinggi di kalangan wanita Cina berbanding dengan wanita Melayu. Sebaliknya, wanita Melayu lebih banyak menggunakan kaedah tradisional untuk mencegah dan menjarakkan kelahiran. Tujuan utama penggunaan kontraseptif di kalangan wanita Cina adalah untuk mencegah kelahiran sedangkan tujuan utama wanita Melayu pula adalah untuk merancang menjarakkan kelahiran.

6.1.3 Keputusan MRA Terhadap Fertiliti Wanita Cina

Faktor-faktor sosio-demografi dan ekonomi yang terpilih dalam MRA seperti umur mula berkahwin, taraf pendidikan wanita dan pasangannya, status pendapatan negeri pemastautin, jenis pekerjaan wanita dan pasanganya dalam sektor moden dan sektor tidak formal, dan pendapatan isirumah berjaya menerangkan variasi kelahiran hidup dan saiz keluarga yang diidamkan oleh wanita Cina. Pada keseluruhannya, penganalisisan MRA menunjukkan bahawa umur mula berkahwin dan taraf pendidikan wanita merupakan peramal yang paling signifikan dalam menerangkan pola fertiliti kaum Cina. Perhubungan negatif antara faktor-faktor terpenting tersebut dengan pola fertiliti menunjukkan semakin tinggi taraf pendidikan wanita, semakin lewat

seseorang wanita berkahwin, maka semakin cenderunglah persepsi wanita ke arah memiliki saiz keluarga yang kecil.

6.2 IMPLEMENTASI POLISI

Pembangunan sosio-ekonomi dan perubahan struktur kekeluargaan boleh disifatkan sebagai perangsang utama penurunan kadar kelahiran sesebuah masyarakat. Berdasarkan keperluan pembangunan sosio-ekonomi dan kependudukan yang seimbang, adalah dicadangkan kualiti dan kewibawaan sumber manusia diutamakan. Sumber manusia yang berkualiti dapat menjamin produktiviti yang lebih tinggi.

Memandangkan kelahiran yang semakin menurun, dijangkakan struktur demografi menjadi semakin tua. Ini bermakna bahawa kadar pergantungan orang tua akan semakin meningkat. Jaminan dan penjagaan orang tua menjadi semakin sulit dengan bertambahnya kecenderungan memiliki bilangan anak yang sedikit dalam sesebuah rumah tangga. Untuk mewujudkan sesebuah masyarakat penyayang, adalah dicadangkan supaya kerajaan bersama-sama dengan sektor swasta menawarkan dana bersara untuk menjamin kehidupan orang tua supaya tidak terjejas.

Adalah didapati bahawa gunatenaga wanita dan fertiliti adalah berhubungan secara dua hala. Iaitu gunatenaga wanita mungkin mempengaruhi kelahiran seseorang wanita. Sebaliknya bilangan kelahiran seseorang wanita akan mempengaruhi penglibatan wanita tersebut dalam sektor ekonomi. Bagi wanita yang aktif dalam sektor ekonomi, kelahiran anak yang

ramai biasanya dianggap sebagai suatu bebanan/halangan. Untuk meningkatkan sumbangan tenaga wanita dalam pembangunan ekonomi negara, maka penawaran perkhidmatan pengasuhan kanak-kanak seharusnya disediakan oleh majikan di tempat kerja mereka. Ini membolehkan wanita tersebut memberi lebih penumpuan terhadap kerja demi meningkatkan produktiviti mereka. Perkhidmatan tersebut juga dapat mengurangkan kesulitan mereka untuk mencari sumber bantuan penjagaan anak-anak dan seterusnya mengurangkan kerungsingan mereka berkenaan kualiti pembantu rumah. Untuk memastikan kejayaan penubuhan pusat asuhan kanak-kanak oleh majikan ini, kerajaan seharusnya memberi insentif dan galakan melalui pengecualian cukai atau menawarkan subsidi untuk menampung perbelanjaannya. Kejayaan rancangan ini telah terbukti di negara seperti Perancis dan Denmark. Selain itu, untuk menggalakkan lebih ramai wanita berkahwin menyumbangkan tenaga mereka dalam sektor ekonomi, dicadangkan juga agar perbelanjaan perkhidmatan pengasuhan kanak-kanak dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Peningkatan peluang pendidikan di kalangan wanita juga telah menggalakkan lebih ramai wanita aktif dalam sektor ekonomi. Untuk mencapai kepuasan dalam kerjaya, ramai antara wanita yang berpendidikan tinggi lewat berkahwin dan ada pula yang hidup membujang sepanjang hayat. Kelewatan berkahwin di kalangan wanita bekerja diperkuatkan lagi dengan sikap majikan yang berkecenderungan mengupah wanita yang tidak berkahwin sahaja. Perkara ini dilakukan oleh para majikan yang tidak bersedia untuk menghadapi sebarang

kerugian dan kesulitan daripada bersalin atau penjagaan anak-anak di kalangan wanita yang berkahwin.

Peningkatan umur mula berkahwin juga bermakna umur pada kelahiran pertama turut ditangguhkan. Keadaan ini memberi kesan terhadap proses reproduktif wanita berkenaan. Tempoh reproduktif yang pendek akan mewujudkan keadaan yang mereka cuba merapatkan kelahiran agar melengkapkan kelahiran mereka. Umur yang meningkat dan kelahiran yang kerap akan menjaskan kesihatan ibu dan anak-anak mereka.

Memandangkan penjagaan kanak-kanak yang berumur dibawah 3 tahun adalah paling berintensif masa, maka adalah dicadangkan supaya pihak majikan membenarkan wanita yang bekerja menikmati cuti bersalin (sama ada bergaji atau tanpa gaji) yang lebih panjang. Alternatif lain adalah dengan menawarkan jadual masa kerja yang lebih fleksible. Dengan itu, ia dapat memastikan bahawa seseorang ibu dapat memberi penjagaan anak-anak mereka dengan sepenuhnya. Ini adalah amat penting untuk memupuk suatu generasi muda yang berkualiti dan produktif.

Kadar kelahiran di kalangan mereka yang berkemampuan (dari segi kekayaan dan pendidikan) adalah kurang berbanding dengan mereka yang berada dalam status ekonomi yang rendah. Pola kelahiran seperti ini seharusnya diubahsuai dengan menggalakkan mereka yang berkemampuan melahirkan bilangan anak yang lebih ramai untuk memastikan generasi muda lebih berkualiti dan mendapat penjagaan yang baik.

Pada kebiasaanya, didapati bahawa sesebuah keluarga

yang miskin dan mempunyai bilangan anak yang ramai, akan memaksakan anak-anak mereka keluar bekerja mencari rezeki walaupun pada umur yang masih muda. Keperluan bantuan tenaga buruh kanak-kanak sebagai sumber pendapatan bagi sesebuah keluarga akan menjadikan kesihatan kanak-kanak tersebut. Tambahan pula, sesetengah daripada mereka terpaksa berhenti daripada persekolahannya. Sedangkan pendidikan merupakan suatu mekanisme utama untuk meningkat tahap mobilisasi individu tersebut, yang seterusnya membawa kepada kemajuan dan modenisasi sesebuah negara.

Kebanyakan wanita yang berstatus ekonomi rendah jarang menggunakan kontraseptif atau lebih menggunakannya sebagai kaedah menjarakkan klahiran. Keadaan ini menggambarkan bahawa perancang keluarga seharusnya lebih diperkenalkan di kalangan wanita yang berada dalam status ekonomi yang rendah dan mendidik mereka menggunakan kontraseptif untuk menghadkan klahiran. Langkah tersebut mungkin akan membolehkan mereka untuk keluar daripada belenggu kemiskinan.

6.3 CADANGAN UNTUK KAJIAN-KAJIAN AKAN DATANG

Kajian ini sememangnya mempunyai beberapa limitasi. Kajian hubungan antara pengalaman kerja (sama ada pernah bekerja atau tidak) dengan fertiliti wanita Cina dalam penyelidikan ini masih belum memberikan tumpuan yang mendalam. Angkubah pengalaman bekerja ini perlu diteliti dengan lebih terperinci, terutamanya berkenaan tempoh masa bila wanita tersebut mula atau berhenti bekerja. Kajian terhadap

fenomena ini dijangka dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang kesan gunatenaga terhadap fertiliti atau kesan yang sebaliknya.

Kajian perbandingan fertiliti di kalangan migran dari luar bandar juga harus dipertimbangkan. Usaha ini membolehkan penganalisisan terhadap struktur umur dan jantina di kawasan asal ataupun destinasi mereka. Perubahan struktur umur dan jantina ini seterusnya memungkinkan penerokaan kesannya terhadap fertiliti sesuatu komuniti.

Kajian terhadap tingkah laku ibu bapa terhadap anak-anak adalah masih lagi kekurangan. Utiliti dan kos ekonomi seseorang anak daripada pandangan ibu bapa dijangka merupakan faktor utama dalam mempengaruhi keinginan dan kelahiran seseorang wanita. Kecenderungan terhadap keutamaan jantina anak-anak mungkin merupakan suatu isu yang menarik untuk kajian sikap fertiliti di kalangan wanita Cina memandangkan tradisi sosio-budaya Cina yang mementingkan anak lelaki. Melalui kajian sedemikian, ia mungkin dapat memberi suatu gambaran yang lebih jelas berkenaan peralihan kelahiran yang diakibatkan oleh perubahan struktur sosio-budaya dan ekonomi dalam komuniti Cina.

Selain analisis mikro yang menjadi sumber utama terhadap kajian sikap fertiliti di kalangan masyarakat Cina, analisis makro juga perlu diberi pertimbangan. Kajian siri-masa berkenaan perubahan sosio-demografi dan ekonomi dari semasa ke semasa dijangka akan dapat menghasilkan penganalisisan perubahan dan corak kependudukan masyarakat

Cina yang lebih sempurna.